

Gempa 8.5 gegar Aceh

Silver 12/4/12 ms 10

Cetus situasi panik, amaran tsunami ditarik balik

Gegaran susulan landa Sumatera

SUMATERA - Gempa susulan berkekuatan 8.8 skala Richter dilaporkan menggegar Sumatera dalam tempoh dua jam selepas gempa terkuat melanda wilayah itu pada jam 3.38 petang (waktu tempatan).

Wartawan *Jakarta Post*, Nani Afrida yang membuat tinjauan di Sigi terletak dua kilometer dari pantai timur Aceh melaporkan situasi kembali normal di kawasan tersebut selepas beberapa jam.

"Insiden pada kali ini agak berbeza berbanding gempa pada 2004. Ia hanya berlaku selama lima minit tetapi dalam gegaran stabil manakala gegaran pada 2004 berlaku secara perlahan dan berubah menjadi kuat," menurutnya.

Sementara itu, seorang penduduk yang panik di Banda Aceh dilaporkan meninggal dunia akibat serangan jantung.

Lapangan Terbang Phuket ditutup


BANGKOK - Pihak berkuasa Thailand, semalam menutup sementara Lapangan Terbang Antarabangsa Phuket susulan gempa bumi melanda wilayah Aceh, Indonesia yang gegarannya turut dirasai di pulau pelancongan terkemuka itu.

Pengarah Lapangan Terbang Antarabangsa Phuket, Prateung Sornkham berkata, pihaknya terpaksa menutup sementara lapangan terbang atas sebab keselamatan.



Jadual gelombang tsunami

Garis bentuk masa perjalanan tsunami dalam beberapa jam, bermula dari gegaran)



ID Kejadian m2b40b-1 Masa Asal 08:38:37 Tarikh 11 April 2012
Ukuran Gempa Bumi 8.5 sk
Lokasi Gempa Bumi (2,000U, 92,500T) Laut Barat Utara Sumatera, Indonesia

BANDA ACEH - Gempa berkekuatan 8.5 skala Richter dilaporkan menggegar di luar wilayah utara Aceh pada kedalaman 495 kilometer dari Banda Aceh, semalam.

Gegaran itu turut dirasai di Singapura, Thailand, India dan pantai barat Malaysia.

Gempa kuat tersebut turut mencetuskan amaran tsunami di seluruh rantau Lautan Hindi termasuk Australia, Pakistan, Somalia dan Madagascar.

Namun, Pusat Amaran Tsunami Pasifik

memutuskan untuk menarik balik amaran tsunami di Lautan Hindi selepas bacaan aras menunjukkan ancaman tersebut berkurangan empat jam selepas gempa pertama.

Seorang penduduk di Jakarta, Syarina Hasibuan menyatakan gempa itu mencetuskan suasana panik terhadap penduduk di seluruh Sumatera.

Keadaan menjadi huru-hara apabila kesemua penduduk cuba menyelamatkan diri selepas siren dibunyikan. Mereka berpusu-pusu

mencari lokasi selamat selepas merasai gegaran tersebut," katanya.

Di Thailand, pihak berkuasa juga mengeluarkan amaran kepada penduduk di sepanjang pantai Phuket, Phang Na dan wilayah Andaman untuk tidak menghampiri kawasan pantai.

Agensi Meteorologi dan Geofizik Indonesia (BMKG) turut menarik balik amaran tsunami di Aceh pada jam 7.45 malam selepas ia dikeluarkan pada jam 3.38 petang.



Indonesia ambil langkah berjaga-jaga

JAKARTA - Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono menyatakan tiada ancaman tsunami tetapi kerajaan telah mengambil langkah berjaga-jaga menerusi ucapannya dari Istana Presiden yang disiarkan menerusi televisyen, semalam.

Susilo berkata, tiada kematian atau kemusnahan teruk di Aceh dilaporkan selepas kejadian gempa itu.

Berikutan gempa berkekuatan 8.5 skala Richter tersebut, Agensi Meteorologi dan Geofizik Indonesia (BMKG) telah mengeluarkan amaran tsunami di Aceh, Sumatera Barat, Lampung dan Bengkulu dengan serta-merta.

Penganalisis BMKG, Marzuki memaklumkan kelima-lima wilayah itu berpotensi besar dilanda tsunami.

Menurutnya, keadaan di sekitar Aceh menjadi huru-hara kerana penduduk bertempiran untuk menyelamatkan diri kerana kluatir tsunami akibat gempa besar berkekuatan 9.1 skala Richter yang telah mengorbankan 230,000 orang pada 26 Disember 2004 akan berulang.



Lalu lintas sesak berikutan penduduk berpusu-pusu berpindah ke tempat lebih tinggi di Padang, Sumatera Barat, semalam.

Gambar disebar ini sengaja mahu mencetuskan panik orang ramai.

Gambar palsu tersebar di *Twitter*

JAKARTA - Pengguna laman blog mikro, *Twitter* seakan berlumba-lumba menyebarkan maklumat bergambar mengenai kesan gempa di Aceh.

Bagaimanapun, keghairahan memuat naik gambar itu akhirnya terbongkar berikutan kebanyakan foto tersebut sebenarnya dihasilkan menggunakan teknik penindihan imej gempa terdahulu.

Kebanyakan gambar itu menunjukkan jalan raya terbelah dan rumah musnah teruk akibat kesan gempa 8.5 skala Richter tersebut.